

30/01/1997

Asli anjur dua seminar untuk pegawai tinggi

INSTITUT Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli), akan menganjurkan dua seminar penting khusus untuk pegawai tertinggi sektor awam dan swasta tempatan, kata Presidennya, Mirzan Mahathir.

Menurutnya, dua persidangan itu yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada Februari ini ialah Forum Kepemimpinan Strategik Kebangsaan dan Forum Ketua Eksekutif Mengenai Pentadbiran Korporat.

Beliau berkata, kedua-dua persidangan itu yang dijadual diadakan masing-masing pada 24 dan 25 Februari ini, akan mengetengahkan tokoh perunding terkemuka dunia dalam bidang berkenaan.

"Forum Kepemimpinan Strategik Kebangsaan yang akan diadakan, bertema Mendefinisikan Semula Kepemimpinan Dalam Era Maklumat Baru dengan penceramah utamanya, Profesor Charles Handy.

(END)